



MALAYSIA

**Warta Kerajaan  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA**

**HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE  
PUBLISHED BY AUTHORITY**

---

Jil. 50  
No. 17

**24hb Ogos 2006**

*TAMBAHAN No. 87  
PERUNDANGAN (A)*

---

**P.U. (A) 314.**

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PEMANDUAN KENDERAAN BERAT) (WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2006

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 180 yang disiarkan pada 6 Julai 2006, notis telah diberikan mengenai cadangan untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen 70(1), (1A) dan (2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Perbadanan Putrajaya terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 70(1), (1A) dan (2) Akta itu, Perbadanan Putrajaya, setelah berunding dengan Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan dan setelah memberi pertimbangan kepada perkara-perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta itu, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Pemanduan Kenderaan Berat) (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2006**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 17 Ogos 2006.  
**Tafsiran**

2. Bagi maksud Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“kenderaan berat” ertiaya apa-apa kenderaan yang berat dengan muatan 8,000 kilogram atau lebih dan termasuk lori tangki minyak atau air, lori balak dan treler.

### Larangan

3. Pemanduan kenderaan berat di atas jalan-jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual melainkan ke arah yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual dilarang.

### Pengecualian

4. Kenderaan yang menjadi harta Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun yang menjalankan kuasa yang terletak hak padanya oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri dikecualikan daripada peruntukan Perintah ini.

#### JADUAL

(1)	(2)
Jalan yang baginya larangan terpakai	Laluan yang dinyatakan
1. Persiaran Utara	1. South Klang Valley Expressway (SKVE)
2. Lebuh Sentosa	2. Persiaran Timur
3. Persiaran Persekutuan	3. Jalan Negeri B15
4. Lebuh Perdana Selatan	
5. Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah	

Dibuat 24 Julai 2006  
[PPj/UNDANG (A) 8-3; PN(PU<sup>2</sup>)460/XLVI]

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN  
Presiden  
Perbadanan Putrajaya

#### ROAD TRANSPORT ACT 1987

#### ROAD TRANSPORT (PROHIBITION ON THE DRIVING OF HEAVY VEHICLES) (FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA) ORDER 2006

WHEREAS by P.U. (B) 180 published on 6 July 2006, notice was given of the intention to make an order under subsections 70(1), (1A) and (2) of the Road Transport Act 1987 [Act 333]:

AND WHEREAS no objection was received by Perbadanan Putrajaya against the making of such order:

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred by subsections

70(1), (1A) and (2) of the Act, Perbadanan Putrajaya, after consultation with the Director General for Road Transport and after taking into consideration the matters referred to in subsection 70(2) of the Act, makes the following order:

#### **Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Road Transport (Prohibition on the Driving of Heavy Vehicles) (Federal Territory of Putrajaya) Order 2006**.
- (2) This Order comes into operation on 17 August 2006.

#### **Interpretation**

2. For the purpose of this Order, unless the context otherwise requires—

“heavy vehicle” means any vehicle with the laden weight of the 8,000 kilogrammes or more and includes oil or water tanker, timber lorry and trailer.

#### **Prohibition**

3. The driving of heavy vehicles on the roads specified in column (1) of the Schedule otherwise than in the direction specified in column (2) of the Schedule is prohibited.

#### **Exemption**

4. Vehicles which are the property of the Federal or State Government or of any local authority or statutory body exercising powers vested in it by Federal or State law are exempted from the provisions of this Order.

#### SCHEDULE

(1)	(2)
Roads to which the prohibition applies	Direction specified
1. Persiaran Utara	1. South Klang Valley Expressway (SKVE)
2. Lebuh Sentosa	2. Persiaran Timur
3. Persiaran Persekutuan	3. Jalan Negeri B15
4. Lebuh Perdana Selatan	
5. Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah	

Made 24 July 2006  
 [PPj/UNDANG (A) 8-3; PN(PU<sup>2</sup>)460/XLVI]

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN  
 President  
 Perbadanan Putrajaya

**P.U. (A) 315.**

**AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987**

**PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PEMANDUAN KENDERAAN BERGERAK PERLAHAN) (WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2006**

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 181 yang disiarkan pada 6 Julai 2006, notis telah diberikan mengenai cadangan untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen 70(1), (1A) dan (2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Perbadanan Putrajaya terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 70(1), (1A) dan (2) Akta itu, Perbadanan Putrajaya, setelah berunding dengan Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan dan setelah memberi pertimbangan kepada perkara-perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta itu, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Pemanduan Kenderaan Bergerak Perlahan) (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2006**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 17 Ogos 2006.

**Larangan**

2. Pemanduan kenderaan bergerak perlahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama di atas jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Kedua bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Kedua dilarang.

**Pengecualian**

3. Kenderaan yang menjadi harta Kerajaan Persekutuan atau Kenderaan Negeri atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun yang menjalankan kuasa yang terletak hak padanya oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri dikecualikan daripada peruntukan Perintah ini.

**JADUAL PERTAMA**

**Jenis Kenderaan yang Bergerak Perlahan**

1. Motosikal yang berkereta sisi
2. Van beroda tiga

- 3. Jentera penggelek jalan
- 4. Jentera pengangkat bercabang
- 5. Jentera pengorek tanah
- 6. Jentera perata jalan
- 7. Traktor
- 8. Jentolak
- 9. Jentera penggred
- 10. Kenderaan motor yang tidak dilengkapsan sama ada tayar pneumatik atau tayar getah padu

**JADUAL KEDUA**

(1)	(2)
Jalan yang baginya larangan terpakai	Tempoh larangan
1. Persiaran Utara	7.00 pagi hingga 9.00 pagi
2. Lebuh Sentosa	4.00 petang hingga 7.00 malam
3. Persiaran Persekutuan	
4. Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah	
5. Lebuh Perdana Barat	

Dibuat 24 Julai 2006  
 [PPj/UNDANG (A) 8-3; PN(PU<sup>2</sup>)460/XLVI]

**TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN**  
**Presiden**  
**Perbadanan Putrajaya**

**ROAD TRANSPORT ACT 1987****ROAD TRANSPORT (PROHIBITION ON THE DRIVING OF SLOW MOVING VEHICLES) (FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA) ORDER 2006**

WHEREAS by P.U. (B) 181 published on 6 July 2006, notice was given of the intention to make an order under subsections 70(1), (1A) and (2) of the Road Transport Act 1987 [Act 333]:

AND WHEREAS no objection was received by Perbadanan Putrajaya against

the making of such order:

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred by subsections 70(1), (1A) and (2) of the Act, Perbadanan Putrajaya, after consultation with the Director General for Road Transport and after taking into consideration the matters referred to in subsection 70(2) of the Act, makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Road Transport (Prohibition on the Driving of Slow Moving Vehicles) (Federal Territory of Putrajaya) Order 2006**.

(2) This Order comes into operation on 17 August 2006.

**Prohibition**

2. The driving of slow moving vehicles as specified in the First Schedule on the roads specified in column (1) of the Second Schedule for the period specified in column (2) of the Second Schedule is prohibited.

**Exemption**

3. Vehicles which are the property of the Federal or State Government or of any local authority or statutory body exercising powers vested in it by Federal or State law are exempted from the provisions of this Order.

FIRST SCHEDULE

Types of Slow Moving Vehicles

1. Motorcycle with side-car attached
2. Three-wheeled van
3. Road roller
4. Forklift
5. Excavator
6. Road paver
7. Tractor
8. Bulldozer
9. Grader
10. Any motor vehicle not fitted with either pneumatic tyres or with solid

**rubber tyres****SECOND SCHEDULE**

(1) Roads to which the prohibition applies	(2) Prohibited period
1. Persiaran Utara	7.00 a.m. to 9.00 a.m.
2. Lebuh Sentosa	4.00 p.m. to 7.00 p.m.
3. Persiaran Persekutuan	
4. Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah	
5. Lebuh Perdana Barat	

Made 24 July 2006.  
[PPj/UNDANG (A) 8-3; PN(PU<sup>2</sup>)460/XLVI]

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN  
President  
Perbadanan Putrajaya

**P.U. (A) 316.****AKTA KOPERASI 1993**

**PERINTAH KOPERASI (KOPERASI MELAYU PULAU PINANG BERHAD)**  
**(PENGECUALIAN) 2006**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 87 Akta Koperasi 1993 [Akta 502], Menteri, apabila berpuas hati bahawa adalah wajar untuk mengecualikan Koperasi Melayu Pulau Pinang Berhad daripada pemakaian perenggan 37(a) demi kepentingan perkembangan koperasi itu, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Koperasi (Koperasi Melayu Pulau Pinang Berhad) (Pengecualian) 2006**.

**Pengecualian**

2. Koperasi Melayu Pulau Pinang Berhad dikecualikan daripada pemakaian perenggan 37(a) Akta.

Dibuat 9 Ogos 2006  
[MECD: PK(S) 20/9/1/1; PN(PU<sup>2</sup>)527/IX]

DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN  
Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi

CO-OPERATIVE SOCIETIES ACT 1993

Co-OPERATIVE SOCIETIES (KOPERASI MELAYU PULAU PINANG BERHAD)  
(EXEMPTION) ORDER 2006

IN exercise of the powers conferred by section 87 of the Co-operative Societies Act 1993 [Act 502], the Minister, on being satisfied that it is desirable to exempt Koperasi Melayu Pulau Pinang Berhad from the application of paragraph 37(a) in the interest of the development of the society, makes the following order:

**Citation and commencement**

1. This order may be cited as the **Co-operative Societies (Koperasi Melayu Pulau Pinang Berhad) (Exemption) Order 2006**.

**Exemption**

2. Koperasi Melayu Pulau Pinang Berhad is exempted from the application of paragraph 37(a) of the Act.

Made 9 August 2006  
[MECD: PK(S) 20/9/1/1; PN(PU<sup>2</sup>)527/IX]

DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN  
Minister of Entrepreneurial and Co-operative Development

**P.U. (A) 317.**

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (ELAUN BANGUNAN INDUSTRI)  
(SYARIKAT BERSTATUS KORIDOR RAYA MULTIMEDIA (MSC)  
YANG DILULUSKAN) 2006

PEMBETULAN

DALAM P.U. (A) 202 yang disiarkan pada 1 Jun 2006, gantikan perkataan “60A” dan “60F” yang terdapat dalam perenggan 6 masing-masing dengan perkataan “60F” dan “60FA”.

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (INDUSTRIAL BUILDING ALLOWANCE) (APPROVED MULTIMEDIA  
SUPER CORRIDOR (MSC) STATUS COMPANY) RULES 2006

CORRIGENDUM

IN P.U. (A) 202 published on 1 June 2006, substitute for the words “60A” and “60F” appearing in paragraph 6 the words “60F” and “60FA” respectively.

[Perb. 0.3865/73(SJ. 29) Vol.5; LHDN. 01/35/(S)/42/51/231-17.7;

PN(PU<sup>2</sup>)80/XLVII]**P.U. (A) 318.**

## AKTA PERINDUSTRIAN SEKURITI LUAR PESISIR LABUAN 1998

PERATURAN-PERATURAN PERINDUSTRIAN SEKURITI LUAR PESISIR  
LABUAN 1999

## PEMBETULAN

DALAM teks bahasa Inggeris P.U. (A) 55 yang disiarkan pada 18 Februari 1999, dalam Borang 4/AD Jadual Kedua, gantikan perkataan “103c” yang terdapat dalam perenggan 1 dengan perkataan “130c”.

## LABUAN OFFSHORE SECURITIES INDUSTRY ACT 1998

## LABUAN OFFSHORE SECURITIES INDUSTRY REGULATIONS 1999

## CORRIGENDUM

IN the English language text of P.U. (A) 55 published on 18 February 1999, in Form 4/AD of the Second Schedule, substitute for the words “103c” appearing in paragraph 1 the words “130c”.

[S(41.00) 248/24/1-29 (SJ. 9) Jd. 2; PN(PU<sup>2</sup>)594]Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA